

## Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah (1819-1844)

### *Thomas Beighton (1790-1844)'s Approaches to Propagate Christianity in Penang and Kedah (1819-1844)*

SITI NOR AISYAH NGADIRAN<sup>1\*</sup> & TATIANA A. DENISOVA<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia,*

*Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS-CASIS),*

*Universiti Teknologi Malaysia (UTM), 54100 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia*

Corresponding author: aisyahngadiran@gmail.com

Received: 10 August 2023 Accepted: 15 February 2024

#### Abstrak

Kajian mengenai sejarah penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Islam di Tanah Melayu kebanyakannya terbatas pada aspek-aspek tertentu seperti pendidikan, percetakan dan lain-lain. Maka keperluan kepada kajian yang menyeluruh ke atas pendekatan yang digunakan oleh para mubaligh Kristian didapati penting kerana para mubaligh Kristian Eropah lazimnya menjalankan hubungan yang lebih baik dengan masyarakat dan pemerintah tempatan berbanding penjajah Barat sendiri. Dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengenalpasti pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh Thomas Beighton (1790-1844), seorang mubaligh LMS, dalam menyebarluaskan agama Kristian kepada orang Melayu di Pulau Pinang dan Kedah. Analisis sejarah yang digunakan dalam kajian ini adalah bersandarkan kepada sumber yang diperolehi daripada koleksi *Council of World Mission-London Missionary Society (CWM-LMS) Penang* di arkib *School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London*, yang mana kebanyakannya adalah dokumen berupa surat dan laporan Beighton kepada pihak-pihak yang berkaitan. Maka berdasarkan kajian, didapati terdapat tiga pendekatan utama yang telah digunakan oleh Beighton iaitu pendidikan, penulisan dan percetakan, dan jalinan hubungan dengan pemerintah tempatan. Di sinilah sebenarnya secara tidak langsung Beighton turut memainkan peranan sebagai agen kolonial British melalui pendekatan-pendekatan tersebut. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan terdapatnya unsur-unsur pembaratan dalam pendekatan Beighton tersebut ke atas masyarakat tempatan di kedua-dua negeri itu.

Kata kunci: Pendekatan Thomas Beighton; Mubaligh London Missionary Society; Penyebaran Agama Kristian; Pulau Pinang; Kedah

#### Abstract

*Studies on the history of Christian propagation among Muslim communities in Malaya are mostly limited to certain aspects such as education, printing, and others. Hence the need for a thorough study of the approaches used by Christian missionaries was discovered to be significant because the European Christian missionaries typically developed closer relationships with the local community and the Sultan than the colonists themselves. Therefore, this study aims to identify the approaches used by Thomas Beighton (1790-1844), an LMS missionary, in propagating to the Malay committees in Penang and Kedah. Also, the historical analysis used in this study is based on Beighton's letters and*

reports, which were obtained from the collection of the Council of World Mission-London Missionary Society (CWM-LMS) Penang in the archives of the School of Oriental and African Studies (SOAS), the University of London. Thus, based on the research, there are three main approaches that Beighton has used: education, writing and publications, and his relation with the local ruler. This is where Beighton indirectly played a role as an agent of British colonialism through certain approaches. This indirectly shows that there are elements of Westernization in Beighton's approach to the local community in both states.

**Keywords:** Thomas Beighton's Approaches; Missionary of the London Missionary Society; Christian Propagation; Penang; Kedah

## Pendahuluan

Kajian mengenai sejarah penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Melayu mendapati bahawa kedatangan para mubaligh Kristian adalah seiring dengan kegiatan penjajahan Barat. Hal ini adalah merujuk kepada penjajahan Barat terawal iaitu Portugis pada tahun 1511 di Melaka yang membawa bersama ideologi messianisme aliran Katolik. Ideologi ini telah disifatkan sebagai sokongan kepada ideologi perang salib Raja Manuel dalam sebuah risalah bertajuk *Nova Victoria del Serenissimo Re de Portogallo in India*, yang juga banyak menonjolkan perang yang dilancarkan oleh Portugis terutamanya mengenai perebutan Melaka.<sup>1</sup> Justeru itu, penjajahan Portugis di Melaka sering digambarkan sebagai penjajahan yang ganas termasuk dengan melakukan penyembelihan penduduk Muslim di sana, serta memaksa orang Hindu dan Muslim untuk menukar agama kepada Kristian.<sup>2</sup>

Seterusnya, ketika penjajahan Belanda di Melaka pada tahun 1641, dasar penyebaran agama Kristian juga turut dilakukan oleh para mubaligh dengan kerjasama daripada pihak kolonial Belanda.<sup>3</sup> Namun, aliran mazhab Protestan (Calvinist) yang dibawa oleh Belanda telah memusuhi aliran Katolik hingga menyebabkan perkembangan Katolik terbantut<sup>4</sup> tetapi apabila British mengambil alih Melaka pada tahun 1824, aliran Katolik telah berkembang semula. Walau bagaimanapun, pentadbiran British di Tanah Melayu telah bermula lebih awal di Pulau Pinang pada tahun 1786. Di sinilah juga bermulanya penyebaran agama Kristian di Negeri-Negeri Selat (NNS) melalui peranan mubaligh London Missionary Society (LMS). Menurut Kenelm Burridge, lazimnya golongan mubaligh bekerjasama dengan pihak penjajah British di negara-negara jajahan mereka. Bahkan golongan ini juga menganggap diri mereka sebagai agen ketamadunan kepada negara-negara tersebut seperti seorang guru yang membawa bersamanya ilmu dan kemahiran untuk kehidupan yang lebih baik.<sup>5</sup> Maka dalam konteks gerakan mubaligh Kristian di NNS, hubungan kerjasama yang baik dengan pihak penjajah bukanlah suatu hubungan yang tidak disengajakan. Hal ini adalah seperti mana yang terdapat dalam pernyataan Sir S. T. Raffles mengenai keperluan terhadap peranan golongan mubaligh dalam membantu para kolonial British bagi menjalankan sistem pentadbiran mereka iaitu:<sup>6</sup>

*You ask me my opinion about Missionaries in India and if I had time at the present moment — you should have it unreservedly — Religion and Laws are so united in these Countries that I don't see what good can arise by giving the people a new System of the one without also a new System of the other — the Missionaries can only half do the business — and they leave the People in greater tribulation than they found them.... I am far from thinking that the condition of the People is not capable of improvement — I abhor and abominate the tenets of Mahometanism, and verily believe that it is the Religion of all others most likely to enslave the minds and*

*bodies of Mankind — but I am Utopian enough to think that a New System altogether, founded on the principles of Christianity, & modified according to the temper of the People — would be far better than the naked revelation at once — which they would neither admire or relish.*

Oleh itu, seiring dengan langkah British dalam pembukaan NNS yang merujuk kepada Pulau Pinang, Melaka dan Singapura, gerakan mubaligh LMS yang juga merupakan aliran Protestan turut mengalami perkembangan yang sama. Lebih-lebih lagi dengan penubuhan *Ultra-Ganges Mission* pada tahun 1817.<sup>7</sup> Begitu juga dengan gerakan mubaligh LMS di Pulau Pinang yang dilaksanakan melalui kedatangan Thomas Beighton (1790-1844) bersama ahli keluarganya pada tahun 1819.<sup>8</sup> Sebelum itu, Beighton yang berasal dari Ednaston, Derbyshire, telah berkhidmat di Melaka pada tahun 1818. Sepertimana pengasas LMS di Melaka iaitu Robert Morrison (1782-1834) dan W. Milne (1785-1822), Beighton juga merupakan bekas pelajar di Akademi Gosport, Hampshire.<sup>9</sup> Beighton kemudiannya dianggap sebagai mubaligh LMS pertama khusus untuk orang Melayu di Pulau Pinang sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1844. Namun hal ini tidak menolak keterlibatan para mubaligh LMS lain dengan masyarakat Melayu seperti J. Moore,<sup>10</sup> B. P. Keasberry (1811-1875),<sup>11</sup> C. H. Thomsen, dan lain-lain.

Di samping tempoh keberadaan Beighton yang agak panjang iaitu melebihi 20 tahun di Pulau Pinang, berpandukan kepada dokumen dalam koleksi *Council of World Mission (CWM) Ultra-Ganges – London Missionary Society (LMS) Penang*, yang terdapat di arkib *School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London*, turut menunjukkan bahawa surat-surat dan laporan yang ditulis oleh Beighton adalah dokumen yang paling banyak didapati berbanding dengan dokumen mubaligh LMS lain di Pulau Pinang iaitu sebanyak 272 daripada 419 dokumen. Dokumen bagi mubaligh LMS Pulau Pinang ini tersimpan dalam empat buah kotak yang masing-masing mengandungi beberapa folder utama yang mana di dalamnya terdapat fail-fail mengikut susunan tahun aktiviti mubaligh LMS tersebut.

Hal ini secara tidak langsung juga menggambarkan peranan Beighton yang cukup besar dalam menyebarkan agama Kristian kepada orang Melayu di Pulau Pinang. Justeru itu, dokumen-dokumen ini telah dipilih sebagai sumber utama bagi kajian ini. Begitu juga dengan objektif kajian ini iaitu mengenal pasti pendekatan-pendekatan yang dilakukan oleh Thomas Beighton bagi menyebarkan agama Kristian di Pulau Pinang. Perkara ini adalah penting untuk dikaji bagi mengetahui sejauh mana keterlibatan golongan mubaligh Kristian dalam sesuatu perkara itu berkaitan dengan penyebaran agama Kristian tersebut, di samping merupakan antara golongan yang paling banyak berkomunikasi dan menjalankan hubungan yang baik dengan masyarakat di tanah-tanah jajahan British berbanding pentadbir atau penjajah British itu sendiri.

### **Pendekatan Thomas Beighton dalam Menyebarkan Agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah**

Bagi menghuraikan pendekatan yang digunakan oleh Thomas Beighton dalam menyebarkan agama Kristian di Pulau Pinang, analisis sejarah telah digunakan berdasarkan dokumen-dokumen LMS Pulau Pinang sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Di samping itu, disebabkan Pulau Pinang pada ketika itu masih dimiliki sepenuhnya oleh Sultan Kedah, di sinilah Beighton telah mengambil peluang untuk menyebarkan ajaran Kristian di Kedah melalui jalinan hubungannya dengan Sultan Kedah yang memerintah ketika itu, iaitu Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1843). Oleh yang demikian, berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat dua ciri utama bagi pelaksanaan pendekatan Beighton tersebut iaitu pendekatan secara langsung (*directly*) dan secara tidak langsung

(*undirectly*).<sup>12</sup> Dalam hal ini, pendekatan secara langsung dapat dilihat melalui kegiatan penulisan dan percetakan, manakala bagi pendekatan secara tidak langsung pula adalah melalui kegiatan pendidikan dan hubungan Beighton dengan Sultan Ahmad Tajuddin tersebut. Makauraian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai kegiatan-kegiatan Beighton tersebut dalam menyebarkan agama Kristian di kedua-dua buah negeri ini.

### Penglibatan Thomas Beighton dalam Pendidikan

Aktiviti pendidikan Thomas Beighton di Pulau Pinang didapati telah bermula apabila beliau memperoleh geran daripada pihak kerajaan British bagi membuka sekolah-sekolah Melayu di Pulau Pinang sejak awal kedatangannya ke pulau tersebut.<sup>13</sup> Bahkan pada peringkat awal, bangunan masjid turut digunakan sebagai sekolah Melayu bagi menarik perhatian para ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah yang dikendalikan oleh Beighton. Kemungkinan besar masjid yang dimaksudkan tersebut adalah terletak di daerah Teluk Air Raja berdasarkan surat-menjurat Beighton yang menunjukkan terdapat banyak kerjasama antara Beighton dengan pemimpin Melayu di sana untuk menggalakkan orang Melayu datang ke sekolah yang diasaskan olehnya.<sup>14</sup> Dalam hal ini, tidak kurang juga antara ibu bapa yang bertanyakan jika anak-anak mereka dibenarkan untuk mempelajari al-Quran di sekolah berkenaan iaitu ketika mula-mula Beighton membuat iklan mengenainya. Ini kerana jika tidak, mereka tidak akan mengizinkan anak-anak mereka untuk belajar di situ. Oleh itu, Beighton terpaksa mengambil kira kehendak mereka dengan membenarkan pengajaran al-Quran dalam bahasa Arab di samping mengajarkan juga ajaran-ajaran kitab Kristian dalam bahasa Melayu.<sup>15</sup>

Selain itu, terdapat juga sesetengah masyarakat Melayu yang meragui akan niat Beighton dalam membuka sekolah Melayu tersebut iaitu dengan tujuan untuk menukar agama penduduk di situ kepada agama Kristian. Keraguan mereka ini ternyata benar apabila perkara itu turut diakui oleh Beighton sendiri dalam laporannya bahawa setiap usaha yang dilakukannya dalam mendekati masyarakat Melayu itu adalah dengan tujuan untuk menyebarkan agama Kristian dan tidak melakukannya secara paksaan. Ini kerana menurut Beighton, cukup sekadar mereka membaca buku-buku yang diberikan supaya mereka dapat mengenali agama Kristian dan seterusnya membuat perbandingan dengan agama Islam. Ini termasuklah penyebaran buku-buku tersebut ke sekolah-sekolah kerajaan yang dikenali dengan ‘Free School’. Hal ini adalah sebagaimana yang terdapat dalam petikan laporan berikut:<sup>16</sup>

*Several opening for native schools, have lately presented themselves, in which the Scriptures might be introduced. We shall if possible, embrace one of the opening in a short time. The Malay Magazine to which Mr Thomsen has consented to become editor, will we hope proves extensively useful. Such a work is very much needed among the Mahometans, as their own books give very enormous views of scripture history & as it respects the real truths of the Gospel, they are wholly silent.*

*Native schools are about to be commenced in Penang by the Committee of the Free School, & on the same principles of that institution, which does not include the introduction of Christianity, consequently the schools belonging to that institution will be different from the Mission Schools, as Christianity is our principal object, so that we can pursue our own plan as usual, & which we hope to do with all: the ardour we can. Schools on the plan proposed by the Free School Committee will, we doubt not prove extensively useful, as knowledge of a Literary and general kind will be disseminated, and the missionaries themselves forwarded in their pursuits, as it*

*maybe their province to take up the learners where the Free School institution leaves them. May every attempt that is made to propagate the Gospel, either directly or indirectly be owned & blest by the great Head of the Church.*

Tambahan pula, sekolah-sekolah Melayu yang diasaskan oleh Beighton juga didapati semakin mendapat perhatian. Begitu juga dengan Rev. John Ince<sup>17</sup> yang tiba di Pulau Pinang pada 8 Julai 1819 telah dilantik sebagai mubaligh LMS untuk orang Cina di sana.<sup>18</sup> Hal ini terbukti apabila beberapa bulan selepas itu, kedua-duanya sudah berjaya mengasaskan sebanyak dua buah sekolah Melayu dan dua buah sekolah Cina. Bilangan tersebut juga semakin bertambah dari tahun ke tahun seiring dengan penambahan bilangan pelajar sehingga menyebabkan Beighton terpaksa memohon geran tanah daripada kerajaan British supaya lebih banyak sekolah yang dapat dibuka.<sup>19</sup> Malah dengan penggeranan semula oleh kerajaan British pada penghujung tahun 1820, selain daripada elaun yang mereka terima sebanyak \$30 sebulan, mereka juga telah dapat membuka sebuah sekolah khusus untuk pelajar perempuan di Pulau Pinang.

Kemudian seiring dengan peningkatan pelajar juga, Beighton mula memperkenalkan kitab suci dan risalah-risalah Kristian di sekolah-sekolah Melayu melalui buku-buku ejaan bahasa Melayu ataupun sebagai bahan bacaan mereka. Malah kitab dan risalah-risalah tersebut yang dibekalkan oleh *Bible Society Calcutta* semakin bertambah permintaannya. Walaupun bahasa tempatan iaitu bahasa Melayu dan Cina digunakan sebagai pengantar bagi sekolah mubaligh, pembelajaran bahasa Inggeris dan subjek akademik seperti Aritmetik juga turut diperkenalkan. Malah pelajar dewasa Melayu dan Cina juga mempunyai keinginan yang kuat untuk menguasai bahasa tersebut dengan baik. Beighton juga dipercayai pernah diminta menyelia dan mengajar sementara di *Penang Free School* yang menempatkan pelajar daripada pelbagai kaum bagi menggantikan William Cox yang terpaksa pergi ke Bengal dalam tempoh satu hingga dua bulan.<sup>20</sup> Manakala pada awal tahun 1821 pula beberapa sekolah tempatan telah dibuka oleh *Free School Committee*. Walaupun konsep sekolah-sekolah tersebut dikatakan berbeza daripada sekolah-sekolah mubaligh kerana pengenalan tentang ajaran agama Kristian tidak termasuk dalam silibus pembelajaran di sana, namun hal ini tidak menghalang para mubaligh tersebut untuk menyebarkan agama Kristian sepertimana yang terdapat dalam pernyataan Beighton sebelum ini.<sup>21</sup>

Seterusnya pada tahun 1823, Beighton meneruskan rancangan untuk membuka sekolah Melayu di Kedah. Cadangan tersebut dibuat ketika lawatannya ke sana untuk berjumpa dengan A. D. Maingy Esqr. yang bertugas di Bahagian Perkhidmatan Sivil bagi mengedarkan risalah-risalah Kristian dalam bahasa Cina. Maingy kemudiannya menyatakan hasrat tersebut kepada pihak Kerajaan British dan hasilnya, empat buah sekolah telah diluluskan untuk dibina di Kedah. Malah mereka juga menerima elaun daripada British setiap bulan sebanyak \$28 bagi urusan berkenaan sekolah-sekolah tersebut. Maingy juga kemudiannya turut membuka Sekolah Perempuan Melayu di Kedah.<sup>22</sup> Manakala dalam surat Beighton yang lain pula ada menyatakan bahawa Beighton telah membina sebuah sekolah Melayu di atas tanah kepunyaan Sifful Alam Shah, seorang kerabat Diraja Kedah tanpa mengetahui status tanah tersebut.<sup>23</sup> Maka apabila baginda membuat lawatan dan mengarahkan agar rumah-rumah yang dibina di situ dirobohkan, Beighton membuat rayuan dan baginda kemudiannya berkenan supaya sekolah tersebut dikekalkan. Berikut pula adalah gambaran sekolah Melayu di Kedah yang dilampirkan dalam surat Beighton:



Gambar 1: Gambaran luaran dan dalaman sekolah Melayu di Kedah yang diselia oleh A. D. Maingy Esqr. dan dipercayai telah dilukis oleh Buruly.

Sumber: Thomas Beighton, 20 September 1825, Pulau Pinang, CWM Ultra-Ganges Penang, Box 2:1824 – 1828, Folder 3 (D).


Kemudian bagi melancarkan lagi urusan pengajaran di sekolah-sekolah di kedua-dua negeri tersebut, pengetua dan guru-guru tempatan juga turut dilantik. Penjelasan mengenai definisi guru-guru tersebut (*native teacher*) ada dinyatakan dalam surat menyurat Beighton iaitu merujuk kepada seseorang daripada kalangan masyarakat tempatan yang boleh mengajar buku-buku dan bahan-bahan pengajaran sepertimana yang telah disediakan dan diperkenalkan oleh para mubaligh.<sup>24</sup> Seterusnya pada tahun 1828, jumlah sekolah dan pelajar didapati semakin meningkat sehingga menjadi sekolah Melayu terbesar di NNS ketika itu di bawah seliaan Beighton. Walaupun Beighton berseorangan sejak kematian Rev. John Ince pada tahun 1825,<sup>25</sup> hal tersebut tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan tugasnya sebagai mubaligh LMS di Pulau Pinang. Justeru itu, sekolah Melayu menjadi semakin berkembang berbanding dengan sekolah Cina selepas itu. Namun pada tahun 1829, disebabkan Beighton banyak bergantung kepada peruntukan yang diberi oleh kerajaan British dalam urusan pembelajaran di sekolah-sekolahnya, tiga buah sekolah Melayu terpaksa ditutup dan ramai daripada kalangan para guru Kristian yang meninggalkan sekolah-sekolah tersebut apabila kerajaan British secara beransur-ansur mula mengurangkan dana bagi pengurusan sekolah mereka.<sup>26</sup>

Oleh yang demikian, selepas kejadian tersebut, pembahagian jenis sekolah dapat dilihat berdasarkan jenis peruntukan dana yang mereka perolehi iaitu sekolah harian di bawah dana kerajaan British, pihak LMS, dan bantuan-bantuan lain. Kemudian pada tahun 1843, walaupun stesen mubaligh Melayu terpaksa ditutup dan banyak mubaligh LMS di NNS yang memutuskan untuk berhijrah ke China selepas kekalahan wilayah tersebut dalam Perang Candu Pertama,<sup>27</sup> Beighton tetap meneruskan sekolah Melayu yang telah diusahakannya sebelum ini setelah rayuannya diterima baik oleh pihak LMS sehingga ke akhir hayatnya.<sup>28</sup>

Berdasarkan huraian ini, dapatkan menunjukkan bahawa sokongan dan bantuan daripada kerajaan British adalah amat penting bagi kelangsungan kegiatan pendidikan yang dijalankan oleh para mubaligh LMS di NNS. Malah sejak dari awal penglibatan para mubaligh Kristian British dengan pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI), bidang pendidikan telah menjadi perkara utama yang dikhurasukan oleh pihak SHTI kepada mereka. Justeru itu, pelaksanaan pendidikan yang dilakukan oleh Beighton yang mengikut sistem pendidikan British secara tidak langsung telah berhasil menanamkan idea pembaratan dalam pemikiran dan budaya masyarakat tempatan tanpa tentangan daripada mereka.<sup>29</sup>

### Penglibatan Thomas Beighton dalam Penulisan dan Percetakan

Seterusnya bagi aktiviti percetakan LMS di Pulau Pinang, Thomas Beighton yang dilantik bagi menguruskan bahagian stesen mubaligh Melayu merupakan seorang mubaligh yang amat aktif dan komited dalam pekerjaannya. Disebabkan itulah Beighton didapati lebih aktif dalam percetakan bahasa Melayu di Pulau Pinang berbanding percetakan dalam bahasa Inggeris dan Cina.<sup>30</sup> Begitu juga dengan kegiatan terjemahan Bible dan penulisan Beighton yang didapati konsisten dan selari dengan aktiviti percetakan tersebut. Aktiviti penterjemahan Bible menurut Adrian Hastings, telah menjadi pencetus dalam pembentukan kebangsaan moden iaitu bangsa yang berbeza tetapi berkongsi bahasa, budaya, undang-undang, dan adat tempatan mereka dengan menjadikan Barat sebagai model bagi negara moden.<sup>31</sup> Oleh itu, bagi tujuan tersebut, penguasaan dan penggunaan bahasa tempatan sepertimana yang dilakukan Beighton telah menjadi asas utama khususnya dalam gerakan Kristian moden. Berikut adalah satu keratan terjemahan Bible dalam bahasa Melayu Jawi:



Gambar 2: Keratan terjemahan Bible daripada petikan Matthew, bab 2, ayat 1-8 yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi.

Sumber: Lampiran surat Beighton yang bertarikh pada 13 April 1836.

Selain daripada penterjemahan Bible tersebut, Beighton juga aktif menghasilkan karya dalam bahasa Melayu Jawi. Hal ini adalah merujuk kepada sebuah kompilasi karya Beighton di *British Library*, London di bawah tajuk *The Miscellaneous*, yang mana di dalamnya mengandungi karyakaryanya sendiri yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi iaitu:

Jadual 1: Senarai karya Thomas Beighton yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi

No.	Tajuk	Tahun	Penerbit
1.	<i>Tamthīl ya ’nī Perbandingan Agama Tuhan ‘Isā al-Masīh dengan Agama Muhammad, Nabi Orang Arab di Negeri Makkah</i>	1838	Pulau Pinang (t.p.)
2.	<i>Jalan Selamat iaitu Jalan Keampunan Dosa2</i>	1838	Pulau Pinang (t.p.)
3.	<i>Inilah Kitāb Risālat Pengajaran yang Dikeluarkan daripada al-Kitāb dan Dikarangkan karna Segala Manusia yang Suka Membaca Pengajaran Ini</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)
4.	<i>Kebangkitan al-Masīh</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)
5.	<i>Puji Pujian ya ’nī Tahlīl yang Dinyanyikan oleh Orang Masīhi Tatkala Ia Memujikan Allāh</i>	1839	Pulau Pinang (t.p.)
6.	<i>Agama yang Terutama: Adalah Agama yang Terutama seperti yang Telah Dinyatakan di dalam Kitāb Taurāt Zabur dan Injīl Adanya</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
7.	<i>Citra Hikāyat ‘Isā</i>	1840	Melaka: Mission-Press
8.	<i>Syarat Persumpahan</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
9.	<i>Kejayaan Injīl al-Qudus: Kejayaan Injīl, ya ’nī, Tangkas dan Jaya Injīl al-Qudus Itu dari Mula Dikhutbatkan oleh Rasul2 Tuhan Isā al-Masīh di dalam Beberapa Negeri yang Besar2 Tanda Sah Kedatangan daripada Tuhan Adanya</i>	1840	Pulau Pinang (t.p.)
10.	<i>Hikāyat Budak Bernama Tom: Inilah Hikāyat Budak yang Bernama Tom, ya ’nī Thomas J. Ince yang Sangat Setiawan Lagi Berbakti kepada Tuhan Isā al-Masīh yang Maha Mulia Adanya</i>	1841	Pulau Pinang (t.p.)
11.	<i>Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitāb Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslīm ya ’nī Islam dan Ketuhanan ‘Ain al-Qudsī telah Sudah Dizahirkan Adanya</i>	1841	Pulau Pinang (t.p.)
12.	<i>Pengajaran akan Membuktakan Perkara Anak Allāh di dalam Dunia dan Apa Sebab Anak Allāh Sudah Masuk ke dalam Dunia Api</i>	1841	Kampung Perapatan, Betawi (t.p.)
13.	<i>Bahwa Inilah Pesanan yang Keempat</i>	t.t.	Pulau Pinang: Mission-Press
14.	<i>Hikāyat Syeikh Soleh yang Lagi Bernama ‘Abdul Masīh</i>	t.t.	Pulau Pinang (t.p.)
15.	<i>Citra akan Henry serta dengan Bujangnya</i>	t.t.	t.p.
16.	<i>Anak Allāh di dalam Dunia</i>	t.t.	t.p.

Sumber: Kompilasi buku yang diberi tajuk *Miscellaneous Tracts Malay (1836-42)* dan boleh didapati di British Library, London.

Kegiatan percetakan LMS di Pulau Pinang pula didapati telah bermula beberapa tahun selepas tahun 1821, iaitu apabila sebuah mesin cetak dan mesin taip Melayu Jawi diperolehi. Kemudian pada tahun 1833, risalah dalam bahasa Melayu untuk sebaran di Pulau Pinang diperolehi daripada *Mission Press* di Singapura manakala risalah bahasa Cina pula diperolehi dari Melaka. Malah bermula pada tahun 1834, Beighton dan S. Dyer (yang bertugas di pejabat mubaligh LMS di Pulau Pinang pada tahun 1827-1835) mula menghasilkan bahan dalam bahasa Melayu dan Cina untuk kegunaan di

## Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian

pejabat LMS Pulau Pinang.<sup>32</sup> Manakala bagi percetakan bahasa Inggeris pula, Beighton menyatakan pendiriannya kepada para Pengarah LMS bahawa cetakan tersebut adalah tidak sesuai kegunaannya<sup>33</sup> untuk risalah dan buku-buku bagi tujuan penyebaran agama Kristian di Pulau Pinang kerana masyarakat tempatan di situ yang kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu dan Cina. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa tersebut masih lagi relevan dan tetap digunakan di sekolah-sekolah di sekitarnya.

Malah kegiatan percetakan ini turut didapati aktif walaupun pada beberapa tahun terakhir sebelum kematian Beighton. Hal ini adalah sepertimana yang ditunjukkan dalam senarai terjemahan pada tahun 1841-1842 berikut beserta jumlah cetakan yang diperolehi daripada laporan akhir Beighton mengenai perkara tersebut:

Jadual 2: Senarai percetakan Thomas Beighton sepanjang tahun 1841-1842

Tajuk Buku	Bilangan	Tajuk Makalah	Bilangan
<i>Bibles-Malay</i>	104	<i>Way of Salvation</i>	200
<i>Testaments Malay</i>	590	<i>Resurrection of Christ</i>	180
<i>Arabic Bibles</i>	61	<i>On the Worship of God</i>	220
<i>Arabic Testaments</i>	94	<i>Way of God</i>	240
<i>Malay Testament Roman Letter</i>	26	<i>Good News</i>	260
<i>Gospel Roman Letter</i>	21	<i>Parables</i>	280
<i>Epistles Roman Letter</i>	21	<i>Best Religion</i>	700
<i>Psalms Roman Letter</i>	108	<i>Life of Christ</i>	280
		<i>Circumcision &amp; Baptism</i>	400
		<i>Comparison</i>	400
		<i>Scripture Catechism</i>	360
		<i>Scripture Catechism, New, by Tom</i>	1000
		<i>Trinity</i>	450
		<i>Victory of the Gospel</i>	280
		<i>Friend, You are a Sinner</i>	50
		<i>Malay Hymns</i>	480
		<i>Sentence of Sin</i>	180
		<i>On the Fall &amp;c</i>	160
		<i>Son of God</i>	78
		<i>Sheikh Salih The World</i>	74
		<i>Abdullah &amp; Sabat</i>	200
		<i>Jewish &amp; Christian Scriptures Unaltered</i>	85
		<i>Address to Parents</i>	300
		<i>Sayd Abbas the Murderer</i>	260
		<i>Life of Tom</i>	750
		<i>Lock Exploded</i>	800

Sumber: Thomas Beighton, Surat kepada Rev. A. Tidman dan Rev. J. J. Freeman, 10 September 1842, Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 4: 1836-1869, Folder 5 (C).

### Jalinan Hubungan dengan Pemerintah Tempatan

Selain melakukan perbincangan agama dengan masyarakat tempatan, Beighton juga sering melakukan perbincangan tersebut bersama Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II yang memerintah ketika itu. Hal ini menurut Beighton adalah penting bagi membuka minda orang Melayu untuk mengetahui dan dapat bertoleransi dengan agama Kristian tersebut. Antara perkara yang dibincangkan dalam perbincangan antara agama ini termasuklah isu-isu mengenai akidah, perbandingan antara ajaran Islam dengan Kristian, peristiwa-peristiwa yang dialami oleh Rasulullah S.A.W. dan lain-lain lagi.<sup>34</sup> Hubungan mereka didapati bermula apabila Beighton bersama rakannya, Rev. John Ince, telah mengambil

peluang mengedarkan risalah agama Kristian di Kedah. Hal tersebut dilakukan atas kesedaran para mubaligh Kristian ini iaitu jika agama Kristian ingin disebarluaskan di negeri-negeri Melayu, maka agama ini pada mulanya harus diterima oleh Raja-Raja Melayu dan selepas itu rakyat jelata akan menerima apa jua agama sekiranya raja-raja mengarahkan mereka.<sup>35</sup> Bagi tujuan tersebut, Beighton kemudiannya mendapatkan bantuan Gabenor British di Pulau Pinang ketika itu agar memperkenalkan mereka dengan Sultan Kedah dan memberikan perlindungan jika terdapat sebarang ancaman daripada orang-orang Melayu di sana, serta perbelanjaan perjalanan dari Pulau Pinang ke sana.<sup>36</sup> Oleh yang demikian, sejak bertemu baginda pada kali pertama iaitu pada Julai 1821, Beighton dilaporkan kerap mengunjungi baginda di istana bagi memperkenalkan agama Kristian melalui pengajaran Bible yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu Jawi.

Walau bagaimanapun, keterbukaan pihak Sultan dalam perbincangan tersebut tidak bermaksud bahawa baginda berhasrat untuk memeluk agama tersebut. Perkara ini adalah berdasarkan pernyataan Beighton sendiri mengenai perbincangannya bersama anak sulung baginda, Tunku Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah ibni Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1803-1854), terutamanya mengenai prinsip triniti yang menjadi asas ketuhanan Kristian iaitu kepercayaan terhadap Tuhan Bapa (*Lord God*), Jesus sebagai Anak Tuhan (*Son of God*) dan Rūḥul Quddus (*Spirit of God*). Dalam hal ini, Tunku Zainal Rashid telah menegaskan bahawa agama Islam berpegang kepada konsep keesaan Tuhan (Allāh) dan menolak idea Anak Tuhan tersebut. Bahkan konsep kenabian yang difahami dalam Islam tidak mungkin dapat mengiktiraf seseorang Nabi sebagai Tuhan (yang merujuk kepada Jesus iaitu Nabi Īsā tersebut).<sup>37</sup>

Selain daripada hubungan peribadi antara Beighton dengan Sultan Kedah, hubungan mereka didapati turut melibatkan urusan politik apabila berlakunya serangan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821. Walaupun keterlibatan Beighton dalam membantu baginda telah dibincangkan oleh Anthony Milner dalam penulisannya, “*The Sultan and the Missionary*,”<sup>38</sup> namun kajian ini akan mengkhususkan kepada kepentingan yang ingin dicapai oleh pihak tertentu iaitu Sultan Ahmad Tajuddin dan pentadbir British di Pulau Pinang ke atas peranan Beighton sebagai orang tengah dalam rundingan antara kedua-duanya dengan lebih jelas, selain tujuan sebenar Beighton untuk membantu Sultan Kedah iaitu bagi menyebarkan agama Kristian di negeri tersebut.

Sejak peperangan ini terjadi, Sultan Kedah didapati telah mendapatkan perlindungan daripada pihak British di Pulau Pinang. Begitu juga dengan pergantungan baginda terhadap elau bulanan daripada pihak British sebanyak 500 Dolar Sp. iaitu bayaran sewa Pulau Pinang kepada Sultan Kedah sepertimana sebelumnya. Di sinilah Beighton memainkan peranannya untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat lagi dengan baginda dan kerabat baginda sepanjang mereka berada di sana.<sup>39</sup> Malah hubungannya dengan Sultan Kedah juga turut diakui oleh Beighton sendiri yang sering diberikan penghargaan oleh baginda sepertimana berikut:<sup>40</sup>

*The King has half promised to come some Sabbath day, & the Malays say, it will be celebrated all over the mould. The honor confessed on me is considered very great, as no other person on the Island has been allowed to see the Royal Family – not even the Governor. The young Prince is very civil & mild, as for the Princesses I thought it best to say very little to them. The Queen appears to be a sensible woman, and they are all much attached to my little son, John. The King says I must go with him, in case he is reinstated on his throne, which I am very willing to do. It would much rejoice my heart to be the honoured instrument of introducing the Gospel into the Kingdom of Quedah, Divine tend must there find, an entrance, and all the ends of the world be blessed in our Divine Saviour. May the Lord of God sorts hasten it.*

Begitu juga kebimbangan Beighton terhadap kedudukan takhta baginda juga dapat dilihat melalui suratnya iaitu:<sup>41</sup>

*I this morning paid my respects to the Honourable J. Prince Esqr: – the Resident for Singapore – He appears to be a good man, and a well wishes to missionaries – seems anxious to promote as much as possible, schools and educations among the poor. Thinks the King of Quedah should be placed again on his throne, by the English Govt. such is also the opinion of Mr Fullerton – In which case I think there would be a fine opening for a Malay missionary, I saw the King a few days ago, he wants much to go back to Quedah and appears unwilling to be sent to any other place, according to the proposition of the Siamese who told him of it, I know not somebody must have done it.*

Oleh yang demikian, peranan Beighton amat diperlukan oleh baginda untuk membuat rundingan dengan pihak British bagi mendapatkan semula takhta kesultanan Kedah daripada kerajaan Siam. Ini termasuklah rundingan awal yang diwakili oleh John Crawford, seorang wakil kerajaan British di Bengal, untuk membuat rundingan dengan kerajaan Siam.<sup>42</sup> Namun rundingan itu didapati gagal meyakinkan pihak Siam.<sup>43</sup> Walau bagaimanapun, Sultan Ahmad Tajuddin tidak berputus asa meminta Beighton untuk terus berunding dan mendapatkan bantuan British. Sebagai balasannya, Beighton dijanjikan untuk diberikan penempatan di Kedah.<sup>44</sup> Malah baginda juga turut mengiktiraf Beighton sebagai sahabat baginda sendiri seperti mana pernyataan berikut:<sup>45</sup>

*The King of Quedah speaks to Malays (if I can believe them) concerning me as his friend. I fear the poor fellow will not be placed again on his throne – The treaty with the Siamese states, that he is not, nor even to remain at Pinang for bear he should cause a disturbance – but you will probably see the treaty, as it is published in the newspaper – The Pinang Government does not like it at all. They think the poor King ought to be reinstated. I am very anxious to take a journey into the Malayan countries and hope I shall soon have an opportunity.*

Namun, pengaruh Siam di Kedah juga semakin lama turut membimbangkan pihak British kerana perkembangan ini boleh menjelaskan pendudukan British di Pulau Pinang serta kepentingan mereka di Tanah Melayu. Maka pada bulan Disember tahun 1825, Kapten Henry Burney (1792-1845) telah dihantar oleh Robert Fullerton (1773-1831), yang mana ketika itu merupakan Gabenor Pulau Pinang, bagi mengadakan rundingan dan membuat perjanjian dengan Siam. Maka selepas berada di Siam selama enam bulan, Henry Burney berjaya mengadakan perjanjian pada 18 Jun 1826.<sup>46</sup> Antara syarat yang telah ditetapkan antara mereka termasuklah British secara rasminya mengakui kedaulatan Siam ke atas Kedah dan British tidak akan membenarkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, keluarga atau pengikut baginda menyerang Kedah.<sup>47</sup> Malah Sultan Kedah juga tidak boleh lagi berada di Pulau Pinang mahupun Kedah sendiri. Hal ini turut dinyatakan oleh Beighton dalam suratnya seperti berikut:<sup>48</sup>

*The King of Quedah is still our next neighbour but he is in great distress, as in consequence of his determination not to leave Pinang in compliance with the Treaty made with the Siamese Govt. his pay from the company is discontinued – I suppose he will soon be obliged to submit to the order of Govt. – I regret his not being reinstated on the throne of Quedah as I think it would have proved an opening for the diffusion*

*of the Gospel.*

Hal ini menunjukkan betapa British sebenarnya lebih mendahuluikan kedudukan dan kepentingan mereka di Pulau Pinang berbanding dengan hubungan mereka dengan Sultan Kedah itu sendiri. Justeru itu, bagi melaksanakan syarat tersebut, pihak British telah merancang supaya Sultan Kedah berpindah ke Melaka.<sup>49</sup> Oleh itu, tidak lama selepas termeterainya perjanjian tersebut, tentera-tentera Siam telah mengepung pelbagai ceruk kawasan di Kedah ketika mana Sultan Kedah yang berada di negeri itu pula dikatakan telah dihubungi oleh Kapten James Low (1791-1852) yang berada di Province Wellesley (Seberang Perai) untuk melarikan diri ke Pulau Pinang, sebelum memutuskan supaya baginda berundur ke Melaka.<sup>50</sup> Peristiwa tersebut telah dinyatakan dengan jelas dalam surat yang ditulis oleh Sultan Ahmad Tajuddin sendiri kepada Beighton seperti mana berikut:<sup>51</sup>

Surat tulus ikhlas serta kasih sayang yang muafakat yang tiada berkesudahan daripada beta, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam kehadapan menjelas sahabat beta Tuan Master Paderi Ali Beighton yang adil lagi arif bijaksana kemasyur kepujian lagi pandai mengambil hati handai taulannya karib dan *ba'id wa ba'dahu* dari itu ehwal adalah beta menyatakan pada sahabat beta<sup>2</sup> khabarkan pada Behormat Gabenor Bonham hendak naik ke darat berikhtiar kapal hendak pergi ke Bengkala maka inilah beta nanti dengan penolong sahabat beta boleh ikhtiar akan dengan Tuan Behormat Gabenor Bonham boleh beta naik ke darat kerana duduk di dalam kici ini sangat kesakitan demikian lagi akan Pulau Pinang ini pun tanah ayah beta Paduka Marhum beri sewa akan Kompeni Inggeris sebab inilah maka beta mau datang singgah di Pulau Pinang di dalam pada itupun jika tiada boleh beta naik ke Pulau Pinang daripada dibawa beta pergi ke Melaka atau Singapura seperti orang yang jadi banduan terlebih baik beta digantung atau ada baras dengan meriam pada kici beta ini kerana banyak sudah tempat perlabuhan kici ini kerana beta dengan segala anak cucu beta sekalian ada duduk di dalam kici ini demikian lagi ada surat daripada masa Tuan Gabenor Kenneth Murchison dahulu beri akan beta tersebut di dalamnya kata jika seorang2 duduk di dalam daerah tanah Kompeni Inggeris tiada boleh hendak dikerasi nyawa pada tempat yang asing kerana tiada sebut di dalam ia Inggeris boleh perbuat yang demikian itu dan lagi beta pun sangat hairan akan perintah ini orang Siam perbuat aninya ambil negeri beta tiba2 datang kici perang Kompeni pukul beta demikian lagi kata kapitan kici perang ini pada beta Tuan Behormat Gabenor Bonham hendak berjumpa dengan beta di Pulau Pinang lalu beta datang ke Pulau Pinang maka sekarang ini Behormat Gabenor Bonham hendak bawa ke Melaka pula diperbuatnya seperti orang banduan dengan tiada sesuatu kesalahan beta pada fikiran beta lebih baik beta mati sekali2 daripada hidup beroleh malu berpanjangan tiada berkesudahan... beta nyatakan surat hari Selasa 6 likor bulan Muharam tahun 1253 H.

Melalui surat tersebut, jelas menunjukkan bahawa baginda pada mulanya enggan untuk berundur ke Melaka. Oleh itu, British terpaksa menamatkan bayaran elaun kepada Sultan Kedah jika baginda masih lagi enggan meninggalkan Pulau Pinang. Di sinilah Beighton memainkan peranannya untuk memujuk baginda supaya akur dengan keputusan British yang meminta baginda pergi berlindung di Melaka dan pihak British akan membayar dua kali ganda elaun baginda iaitu sebanyak 1,000 Dolar Sp. setiap bulan kepada baginda.<sup>52</sup> Berikut adalah antara petikan daripada surat Beighton tersebut:

*...The subject is again laid before Government. His present missionary is owing to a Treaty made with the Siamese when Capt. (now Major) Burneyment as Commissioner some years – since the King was not to remain at Penang or near Quedah, but go to Malacca. If the poor King would go to Malacca even now he would be paid up all his allowance since his pay has been stopped, now more than 2 years since – 500 Sp. Dollars per month & to receive 1,000 Sp. Dollars monthly at Malacca... I spoke to the King several times when he was our neighbour as he often called me to his house. I wished him to go to Malacca rather than live so miserably, pawning & selling his gold ornaments...*

Akhirnya pada bulan Jun tahun 1831, Sultan Kedah telah berundur ke Melaka. Walau bagaimanapun, permusuhan dan perperangan antara Kedah dan Siam tidak terhenti setakat itu sahaja malah berterusan pada tahun-tahun berikutnya sehingga Kedah diserahkan semula kepada Sultan Ahmad Tajuddin dengan bantuan British pada tahun 1842. Baginda kemudiannya memerintah semula dari tahun 1842 sehingga tahun 1845. Begitu juga dengan hubungan Beighton dengan baginda yang didapati akrab seperti sebelum ini. Hal ini dibuktikan dengan pertemuan mereka di Pulau Pinang pada tahun 1841<sup>53</sup> ketika mana Gabenor R. Fullerton membentarkan baginda tinggal di sana sementara menunggu rundingan perdamaian antara Kedah dan Siam selesai. Hubungan tersebut adalah penting bagi Beighton untuk memastikan misi penyebaran agama Kristian di Pulau Pinang dan Kedah dapat diteruskan dengan lebih lancar. Ini kerana telah wujud kebimbangan bagi golongan mubaligh Kristian ketika itu ke atas pihak pemerintah tempatan yang melarang golongan agamawan lain menyebarkan dakyah mereka dalam kalangan orang Islam sepertimana kenyataan Beighton berikut:

*I have in correspondence expressed my sentiments and hope that His Highness do not interfere with his subjects on the subject of Religion that is neither order them to read the Gospel nor yet prohibit them & if he will do so I will publish his fame as widely as I can &c &c. He had a royal salute on his boarding at Penang.<sup>54</sup>*

Oleh yang demikian, melalui kronologi dan huraiannya tersebut, menunjukkan bahawa jalinan hubungan di antara Beighton dengan Sultan Ahmad Tajuddin itu sebenarnya adalah demi kepentingan penyebaran agama Kristian terutamanya dalam mendapatkan pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat Melayu Muslim di Pulau Pinang dan Kedah ketika itu. Begitu juga dengan tawaran Sultan Ahmad Tajuddin kepada Beighton untuk memberikannya penempatan di Kedah yang sebenarnya mempunyai kepentingan politik agar Beighton lebih serius dalam membantu baginda mendapatkan semula takhtanya di Kedah. Justeru itu, tiada bukti yang menunjukkan bahawa terdapat sebarang aktiviti Kristianisasi di Kedah oleh Beighton selepas peristiwa tersebut. Di samping itu, di sinilah sebenarnya British menjadikan golongan mubaligh Kristian sebagai agen kolonial secara tidak langsung bagi memudahkan lagi urusan pentadbiran mereka di NNS, dan seterusnya, menjalankan rancangan diplomatik mereka dengan kerajaan Siam tanpa mendapat sebarang tentangan daripada Sultan Kedah tersebut.

### **Reaksi Masyarakat Melayu terhadap Pendekatan Thomas Beighton**

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, masyarakat Melayu yang pada awalnya meragui akan niat Beighton membuka sekolah Melayu di Pulau Pinang didapati semakin banyak yang menghantarkan anak mereka ke sana pada sekitar tahun 1820-an. Justeru perkembangan sekolah Melayu yang diasaskan oleh mubaligh LMS pada peringkat awal ini memberikan gambaran tentang

penerimaan orang Melayu terhadap pendidikan di sekolah ini kerana mereka berminat terhadap taraf pendidikan yang dianggap berkualiti<sup>55</sup> walaupun kurikulum yang diajarkan di sekolah itu lebih bersifat kurikulum Barat (sekular) dan nilai-nilai mengikut kaca mata kolonial. Perkara ini juga turut diakui oleh Beighton yang mana dalam suatu kenyataannya, mereka memulakan pembukaan sekolah-sekolah Melayu dan Cina dengan menggunakan sistem pendidikan British yang bersifat sekular.<sup>56</sup> Hal ini menunjukkan sikap keterbukaan orang Melayu terhadap ilmu pengetahuan yang dianggap dapat memberikan kemajuan kepada anak-anak mereka.

Namun hal ini tidak bermakna mereka juga menerima agama Kristian bagi menggantikan agama Islam yang menjadi tunjang akidah masyarakat Melayu ketika itu. Bahkan penolakan orang Melayu terhadap penyebaran agama Kristian kemudiannya juga dapat dilihat apabila pada sekitar tahun 1840-an, apabila terdapat laporan daripada Institusi Sekolah-sekolah (*Institution Schools*) yang berpusat di Singapura bahawa stesen mubaligh Melayu di NNS akan ditutup. Hal ini disebabkan para guru di NNS gagal mengumpulkan jumlah pelajar Melayu yang mencukupi bagi sesebuah kelas yang ingin dijalankan.<sup>57</sup> Hal tersebut ternyata menunjukkan sambutan orang Melayu yang didapati semakin kurang menggalakkan ketika itu. Disebabkan itulah pelaksanaan sekularisme dalam sistem pendidikan British sejak daripada awal pelaksanaannya didapati lebih mudah meyakinkan mereka dan menjadi alat yang penting dalam menyebarkan idea modenisme dan budaya Barat kepada masyarakat tempatan.

Selain itu, terdapat antara karya Beighton yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi juga turut menimbulkan kontroversi apabila terdapat antara kandungannya yang mengelirukan umat Islam di Pulau Pinang ketika itu. Lebih-lebih lagi apabila nama Allāh digunakan bagi merujuk kepada konsep kepercayaan triniti yang menjadi pegangan penganut Kristian. Karya yang dimaksudkan tersebut ialah *Perbandingan Agama Tuhan 'Isā al-Masīh dengan Agama Muhammadi* (1838). Beighton kemudiannya dipanggil oleh Gabenor NNS, S. G. Bonham (1803-1863) untuk diberikan peringatan agar tidak meneruskan kegiatan tersebut, susulan daripada aduan daripada masyarakat Muslim di Pulau Pinang berkenaan dengan karya-karya Beighton tersebut. Namun Beighton dapat mempertahankan tindakannya tersebut dengan menyatakan bahawa karyanya itu adalah terjemahan daripada buku yang ditulis oleh seorang biskop Anglican bertajuk *Comparison of the Religion of Jesus*, yang turut didukung oleh Bonham sendiri.<sup>58</sup>

Justeru selepas pertemuan tersebut, Beighton telah menerbitkan surat khusus kepada masyarakat Muslim di Pulau Pinang bagi menjelaskan bahawa beliau tidak menulis risalah untuk menyinggung perasaan masyarakat Muslim tetapi untuk merangsang perasaan ingin tahu mereka. Antara kandungannya adalah seperti berikut:<sup>59</sup>

Surat tulus ikhlas serta kasih sayang daripada Tuan Paderi Beighton dan Tuan Paderi Ince sampaikan kepada segala Sahabat yaitu Encik2 Tuan2 yang duduk beristirehat di dalam Bandar Pulau Pinang. Ehwal inilah surat pada menyatakan dan memberi khabar kepada segala Tuan2 yang ikhlas membaca surat ini dan tulus atas pada menolong pekerjaan yang kebajikan adanya tetapi lebih ma'lumlah kiranya segala Tuan2 karna di dalam dunia ini terlalu banyak orang yang duduk di dalam gulita yang amat kelam dan sekali2 tiada ia mengetahui jalan yang sebenarnya dan hanya kerjanya menyembah berhala juga sebab tiada mengetahui Allah yang Esa ianya adanya maka dengan sebab itu inilah yaitu ta'rifkan kepada segala Tuan2 jika ada Rahim kepada segala kanak2 yang miskin dan yang bebal dan sesat dengan karna Allah seharusnya kita menolong atas pada hawal kadar masing2 mendirikan suatu madrasah tempat berlajar supaya ia mengetahui Allah yang menjadikan langit dan bumi serta isinya di dalam alam ini.

Bahkan penulisan karya tersebut juga menurut Beighton telah dibantu oleh Munsyi Abdullah sendiri sehingga kemudiannya berhasil cetakan edisi kedua karya tersebut pada tahun 1840, iaitu tahun yang sama beberapa karyanya yang lain diterbitkan. Antaranya ialah *Circumcision and Baptism, Agama yang Terutama, Syarat Persumpahan*, dan *Kejayaan Injil al-Quodus*.<sup>60</sup> Walau bagaimanapun, masyarakat Muslim tidak berdiam diri atas pengedaran karya-karya Beighton tersebut. Beberapa wakil daripada kalangan orang Melayu terkemuka telah menghantarkan sebuah kitab bagi memperdebatkan kandungan yang terdapat dalam karya-karya Beighton tersebut. Susulan daripada perbincangan tersebut, Beighton telah menghasilkan pula karyanya bertajuk *Inilah Kunci Pengempar*<sup>61</sup> bagi menjawab persoalan-persoalan mereka itu.<sup>62</sup>

Penolakan masyarakat Muslim ke atas penyebaran agama Kristian tersebut juga bukan sahaja dapat dilihat dalam kalangan rakyat malah dalam kalangan pemerintah sendiri. Hal ini adalah sepertimana penjelasan yang telah diberikan oleh Tunku Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah mengenai pendiriannya ke atas konsep triniti yang menjadi pegangan Beighton tersebut. Oleh yang demikian, dapatlah dirumuskan bahawa pengetahuan agama yang benar dan kekuatan akidah Islam telah menjadi asas kekuatan masyarakat Muslim di Pulau Pinang dalam menghadapi sebarang penyebaran dakyah dalam kalangan mereka.

## Kesimpulan

Berdasarkan huraihan-huraian tersebut, jelas menunjukkan bahawa setiap kegiatan yang dilakukan oleh Beighton di Pulau Pinang dan Kedah sama ada melibatkan hubungannya dengan masyarakat Melayu tempatan atau golongan pemerintah, tujuannya adalah sama iaitu untuk menyebarkan agama Kristian. Lebih-lebih lagi peranan utama golongan mualigh Kristian dalam pelaksanaan bidang pendidikan di NNS. Di sinilah sebenarnya proses pembaratan itu berlaku secara tidak langsung melalui penglibatan para mualigh Kristian tersebut. Malah peranan mereka sebagai agen kolonial juga turut terserlah apabila Beighton bertindak sebagai orang tengah antara Sultan Kedah dengan pentadbir British di Pulau Pinang ketika berlakunya Perang Kedah-Siam.

Hal ini menggambarkan bahawa walaupun tujuan asal gerakan mualigh Kristian itu ingin menyebarkan ajaran agama Kristian, tetapi tidak boleh tidak, mereka terpaksa mengikut kehendak British dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Dengan itu, keutamaan sebenar gerakan mualigh Kristian British yang ditunjukkan oleh Beighton ini bukan lagi kepada penyebaran agama Kristian tersebut, tetapi sebaliknya melaksanakan rancangan penjajahan British itu sendiri. Walau bagaimanapun, pendekatan-pendekatan Beighton tersebut yang bersifat fizikal semata-mata ternyata tidak dapat menandingi akidah *tawhīd* yang menunjangi pemikiran dan budaya masyarakat Melayu ketika itu sehingga menyebabkan usaha yang dilakukan Beighton seolah-olah sia-sia apabila stesen mualigh Melayu LMS di Pulau Pinang akhirnya terpaksa ditutup pada sekitar tahun 1840-an.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada pihak Raja Zarith Sofiah – Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains & Peradaban (RZS-CASIS), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur di atas sokongan kewangan dalam pencarian sumber kajian di United Kingdom pada April hingga Jun 2015.

## Nota

<sup>1</sup> Jean Aubin dan Luis Filipe F. R. Thomaz, “Sebuah Risalah dalam Bahasa Latin tentang Perebutan Melaka oleh Orang Portugis, yang Dicetak di Itali pada Tahun 1514”. Dalam *Selat Melaka di Persimpangan Asia: Artikel Pilihan daripada Majalah Archipel*, 100-101. Kuala Lumpur, Jabatan Muzium Malaysia, 2010.

<sup>2</sup> Tatiana A. Denisova. *Sumber Historiografi di Alam Melayu: Koleksi Peribadi John Bastin*, Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia, 2011, hlm. 111-112.

<sup>3</sup> G. E. Morrison. “Islam and the Church in Malaya: History of Islam in Malaya,” *The Muslim World*, 47: 1957, hlm. 290-298.

<sup>4</sup> Ghazali Basri. *Kristianisasi sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Kajang, Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam, 1994, hlm. 2.

<sup>5</sup> Kenelm Burridge, *In the Way: A Study of Christian Missionary Endeavours*, British Columbia University Press, 1991, hlm. 43.

<sup>6</sup> Sir Stamford Raffles. Surat kepada Rev. Dr. Thomas Raffles. 10 Februari 1815, Buitenzorg.

<sup>7</sup> Brian Harrison, *Waiting for China: The Anglo-Chinese College at Malacca, 1818-1843, and Early Nineteenth-Century Missions*. Hong Kong University Press, 1979, hlm. 33.

<sup>8</sup> Thomas Beighton. 20 April 1819. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 1 (A).

<sup>9</sup> Leona O’Sullivan, “The London Missionary Society: A Written Record of Missionaries And Printing Presses In The Straits Settlements, 1815 -1847.” *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 57, no. 2 (247): 1984 ,hlm. 61-104.

<sup>10</sup> Alexander McLeish, “A Racial Melting Pot: Malaya.” *The Muslim World*, vol. 31, no. 3: 1941, hlm. 248.

<sup>11</sup> Teo Eng Liang, *Malay Encounter During B. P. Keasberry’s Time in Singapore, 1835 to 1875*. Singapura, Trinity Theological College, 2009.

<sup>12</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 5 Januari 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1: 1805-1823, Folder 3 (A).

<sup>13</sup> Thomas Beighton dan John Ince. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 4 Mei 1820. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 2(A).

<sup>14</sup> T. Beighton. Surat kepada J. Ince. 18 April 1822. Pulau Pinang. CWM Ultra-Ganges Penang 1:1805-23, Folder 4 (A).

<sup>15</sup> Jean De Bernardi, “Emplacing a Network Religion in a World in Motion: Evangelical Christianity and the Brethren Movement in Penang.” Dalam *Penang and Its Networks of Knowledge*, (ed.) Peter Zabielskis, Yeoh Seng Guan & Kat Fatland, 83-114. Pulau Pinang, Areca Books, 2017.

<sup>16</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 5 Januari 1821.

<sup>17</sup> Nama Rev. John Ince turut diabadikan oleh Beighton dalam menamakan anak angkatnya yang dikatakan berbangsa Melayu dan telah dibaptiskan dengan nama Thomas John Ince, yang kemudiannya meninggal dunia pada tahun 1841. Kisah mengenai anak angkatnya itu telah dinukilkan dalam karyanya bertajuk, *Hikayat Budak Bernama Tom*. Rujuk Leona L. Sullivan. 1984, hlm. 93.

<sup>18</sup> John Ince. 8 Julai 1819. Pulau Pinang. CWM Ultra-Ganges Penang 1:1805-23, Folder 1 (B).

<sup>19</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 5 Januari 1821.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ibid.

<sup>22</sup> Thomas Beighton dan John Ince, 9 September 1823. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823. Folder 5 (B).

<sup>23</sup> Thomas Beighton. 1830. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 2 (A).

<sup>24</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 9 September 1823.

<sup>25</sup> “Death” dalam *The Gazette*. Rabu, 27 April 1825.

<sup>26</sup> Thomas Beighton. 10 April 1829. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 1 (B).

## Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian

- <sup>27</sup> Jean De Bernardi. 2017, hlm. 83-114.
- <sup>28</sup> Abigail Tobitt. 19 April 1844. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder 6 (C).
- <sup>29</sup> Mehmet Ozay, “A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era.” *World Journal of Islamic History and Civilization* 1 (1): 2011, hlm. 37-48.
- <sup>30</sup> Thomas Beighton, 31 Ogos 1832, Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 4 (B).
- <sup>31</sup> Adrian Hastings, *The Construction of Nationhood: Ethnicity, Religion and Nationalism*. Cambridge: Cambridge University Press, 1997, hlm. 4.
- <sup>32</sup> Cecil K. Byrd, *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858*. Diterjemahkan oleh Mansor Ahmad Saman, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 18.
- <sup>33</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 27 Jun 1831. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3: 1829-1832, Folder 3 (A).
- <sup>34</sup> Thomas Beighton. 3 Julai 1829. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 1 (B).
- <sup>35</sup> Sivachandralingam Sundara Raja, “Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu pada Abad ke-19.” Dalam *Dastar Pendeta*, 437-471. Kuala Lumpur, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya, 2012.
- <sup>36</sup> Thomas Beighton dan John Ince. Surat kepada Rev. G. Burder. 25 April 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 3 (A).
- <sup>37</sup> Ibid.
- <sup>38</sup> A. C. Milner. “The Sultan and the missionary.” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 09: 1979, 1-15.
- <sup>39</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 5 Januari 1830. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 2 (A).
- <sup>40</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 30 Jun 1825. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 3 (C).
- <sup>41</sup> Thomas Beighton. 16 November 1826. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2:1824-1828, Folder 4 (C).
- <sup>42</sup> Thomas Beighton. Surat kepada Revd. G. Burder. 21 Disember 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 3 (D).
- <sup>43</sup> Hasim Saari dan Rohani Abd Ghani, “British: Telunjuk Lurus Kelingking Berkait Dalam Perang Kedah-Siam 1821-1842,” *Jurnal IPDA* 26: 2019, hlm. 48-64.
- <sup>44</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 10 Jun 1825. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 5 (B).
- <sup>45</sup> Thomas Beighton. Surat kepada Jawatankuasa Timur. 30 April 1827. Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 5 (B).
- <sup>46</sup> Abdullah Zakaria Ghazali. “Kedah Kurun ke-18 dan ke-19: Menghadapi Cabaran Bugis, British dan Siam.” *Malaysia Dari Segi Sejarah* 34: 2006, hlm. 25-45.
- <sup>47</sup> Leftenan Henry Burney. Surat kepada James C. Melvill. Julai 1846. C. O. 273/1.
- <sup>48</sup> Thomas Beighton. Surat kepada Jawatankuasa Timur. 30 April 1827.
- <sup>49</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 17 Mac 1828. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 6 (A).
- <sup>50</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 5 Januari 1830. Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 2 (A).
- <sup>51</sup> Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah. Surat kepada Thomas Beighton. 26 Muhamarram 1253 H (bersamaan dengan 2 Mei 1837), dalam simpanan Thomas Beighton yang bertarikh pada 4 September 1837. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder 2 (A).
- <sup>52</sup> Thomas Beighton. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 5 Januari 1830. Pulau Pinang.
- <sup>53</sup> Thomas Beighton. Surat kepada Rev. A. Tidman & Rev. J. J. Freemann. 3 Jun 1842. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder 5 (B).

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> G. E. Garrison, “Islam and the Church in Malaya.”1957.

<sup>56</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 10 Ogos 1819. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 1 (B).

<sup>57</sup> Thomas Beighton. 26 Jun 1843. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4: 1836-1869, Folder 6 (A).

<sup>58</sup> Leona L. Sullivan. 1984, hlm. 92.

<sup>59</sup> Thomas Beighton dan John Ince. 9 September 1823. Pulau Pinang. CWM Ultra-Ganges Penang, Box 1:1805-1823, Folder 5 (B).

<sup>60</sup> Leona L. Sullivan. 1984, hlm. 92.

<sup>61</sup> Thomas Beighton. 1841. *Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitab Ini Kunci Pengempar, Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim ya’ni Islam dan Ketuhanan ‘Ain al-Qudsi telah Sudah Dizahirkan Adanya*. Pulau Pinang. Rujuk perbahasan kandungan karya ini dalam Siti Nor Aisyah Ngadiran dan Tatiana A. Denisova. 2023. “Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan Menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844) dalam Karya Inilah Kunci Pengempar (1841).” *Ajkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 25 (2), hlm. 291-322.

<sup>62</sup> Ibid.

## Rujukan

- Aubin, Jean dan Thomaz, Luis Filipe F. R. 2010. “Sebuah Risalah dalam Bahasa Latin tentang Perebutan Melaka oleh Orang Portugis, yang Dicetak di Itali pada Tahun 1514”. Dalam *Selat Melaka di Persimpangan Asia: Artikel Pilihan daripada Majalah Archipel*, 100-101. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Beighton, Thomas. 20 April 1819. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 1 (A).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada Revd. G. Burder. 21 Disember 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 3 (D).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada J. Ince. Pulau Pinang. 18 April 1822. CWM Ultra-Ganges Penang 1:1805-23, fail 4 (A).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 30 Jun 1825. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 3 (C).
- \_\_\_\_\_. 16 November 1826. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2:1824-1828, Folder 4 (C).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada Jawatankuasa Timur. 30 April 1827. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 5 (B).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 17 Mac 1828. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 2: 1824-1828, Folder 6 (A).
- \_\_\_\_\_. 3 Julai 1829. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 1 (B).
- \_\_\_\_\_. 1830. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 2 (A).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 5 Januari 1830. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 2 (A).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 27 Jun 1831. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3: 1829-1832, Folder 3 (A).
- \_\_\_\_\_. 31 Ogos 1832. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 3A: 1829-1832, Folder 4 (B).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada Rev. A. Tidman & Rev. J. J. Freemann. 3 Jun 1842. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder 5 (B).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada Rev. A. Tidman dan Rev. J. J. Freeman. 10 September 1842. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4: 1836-1869, Folder 5 (C).

Pendekatan Thomas Beighton (1790-1844) dalam Penyebaran Agama Kristian

- Beighton, Thomas dan Ince, John. 10 Ogos 1819. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 1 (B).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada W. A. Hankey Esqr. 4 Mei 1820. Pulau Pinang, CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 2(A).
- \_\_\_\_\_. 5 Januari 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1: 1805-1823, Folder No.3 (A).
- \_\_\_\_\_. Surat kepada Rev. G. Burder. 25 April 1821. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 1:1805-1823, Folder 3 (A).
- \_\_\_\_\_. 1841. *Inilah Kunci Pengempar: Maka adalah Nama Kitab Ini Kunci Pengempar; Ertinya Pembuka Rahsia yang Tersembunyi di dalam Perbendaharaan Mazhab Muslim ya 'ni Islam dan Ketuhanan 'Ain al-Qudsi telah Sudah Dizahirkan Adanya.* Pulau Pinang.
- Burney, Leftenan Henry. Surat kepada James C. Melvill. Julai 1846. C. O. 273/1.
- Basri, Ghazali. 1994. *Kristianisasi sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi.* Kajang: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam.
- Bastin, John. 2009. *Letters and Books of Sir Stamford Raffles and Lady Raffles: The Tang Holding Collection of Autograph Letters and Books of Sir Stamford Raffles and Lady Raffles.* Singapura: Tang Holdings Pte Ltd.
- Bernardi, Jean De. 2017. Emplacing a Network Religion in a World in Motion: Evangelical Christianity and the Brethren Movement in Penang. Dalam *Penang and Its Networks of Knowledge*, (ed.) Peter Zabielskis, Yeoh Seng Guan & Kat Fatland. Pulau Pinang: Areca Books.
- Burridge, Kenelm. 1991. *In the Way: A Study of Christian Missionary Endeavours.* British Columbia University Press.
- Byrd, Cecil K. 1991. *Percetakan Awal di Jajahan Selat 1806-1858.* Diterjemahkan oleh Mansor Ahmad Saman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denisova, Tatiana A. 2011. *Sumber Historiografi di Alam Melayu: Koleksi Peribadi John Bastin, Cetakan Pertama.* Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ghazali, Abdullah Zakaria. 2006. "Kedah Kurun ke-18 dan ke-19: Menghadapi Cabaran Bugis, British dan Siam." *Malaysia Dari Segi Sejarah* 34: 25-45.
- Harrison, Brian. 1979. *Waiting for China: The Anglo-Chinese College at Malacca, 1818-1843, and Early Nineteenth-Century Missions.* Hong Kong: Hong Kong University Press.
- Hastings, Adrian. 1997. *The Construction of Nationhood: Ethnicity, Religion and Nationalism.* Cambridge: Cambridge University Press.
- Halim Shah, Sultan Ahmad Tajuddin. Surat kepada Thomas Beighton. 26 Muhamarram 1253 H (bersamaan dengan 2 Mei 1837), dalam simpanan Thomas Beighton yang bertarikh pada 4 September 1837. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder 2 (A).
- Liang, Teo Eng. 2009. *Malay Encounter During B. P. Keasberry's Time in Singapore, 1835 to 1875.* Singapura: Trinity Theological College.
- Marrison, G. E. 1957. "Islam and the Church in Malaya: History of Islam in Malaya," *The Muslim World*, 47: 290-298.
- McLeish, Alexander. 1941. "A Racial Melting Pot: Malaya." *The Muslim World*, vol. 31, no. 3: 241-253.
- Milner, A. C. 1979. "The Sultan and the missionary." *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 09: 1-15.
- Ngadiran, S. N. A., & Denisova, T.A. 2023. "Analisa Perumusan Konsep Ketuhanan Menurut Perspektif Thomas Beighton (1790-1844) dalam Karya Inilah Kunci Pengempar (1841)." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25 (2), 291–322.
- Ozay, Mehmet. 2011. "A Revisiting Cultural Transformation: Education System in Malaya During the Colonial Era." *World Journal of Islamic History and Civilization*, 1 (1): 37-48.

Siti Nor Aisyah Ngadiran and Tatiana A. Denisova

- Raja, Sivachandralingam Sundara. 2012. "Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu pada Abad ke-19." Dalam *Dastar Pendeta*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaya: 437-471.
- Raffles, Sir Stamford. Surat kepada Rev. Dr. Thomas Raffles, 10 Februari 1815, Buitenzorg.
- Tobitt, Abigail. 19 April 1844. Pulau Pinang. CWM-LMS Penang 4:1836-1869, Folder No.6 (C).
- Saari, Hasim dan Abd Ghani, Rohani. 2019. "British: Telunjuk Lurus Kelingking Berkait dalam Perang Kedah-Siam 1821-1842." *Jurnal IPDA* 26: 48–64. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8194>.
- Sullivan, Leona O. 1984. "The London Missionary Society: A Written Record Of Missionaries And Printing Presses In The Straits Settlements, 1815 -1847." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 57, no. 2 (247): 61-104.
- .